

## **IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL.4**

### **HUKUM PENGGUNAAN PERALATAN DAN PERHIASAN BERASASKAN ABU TULANG HAIWAN (BONE CHINA)**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada tarikh 2 Muharram 1440 bersamaan 12 September 2018 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-215 sebagai Irsyad Hukum (panduan Hukum) mengenai Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (Bone China). Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Jawatankuasa Fatwa menegaskan bahawa berdasarkan mazhab Syafie, sifat kenajisan babi masih kekal dalam produk bone china dan sifat najis tersebut tidak akan hilang kerana proses istihalah dianggap tidak berlaku.
2. Jawatankuasa Fatwa juga berpandangan bahawa sekiranya penggunaan produk bone china yang berasaskan abu tulang haiwan yang tidak halal mengikut Syarak ini diharuskan, maka ia akan membuka ruang kepada penggunaan produk-produk bersumberkan haiwan yang tidak halal mengikut syarak berleluasa.
3. Jawatankuasa Fatwa juga berpandangan bahawa peralatan atau perhiasan bone china tidak mencapai tahap keperluan (darurah) kepada masyarakat untuk memiliki dan menggunakannya.
4. Sehubungan itu, Jawatankuasa Fatwa bersetuju memutuskan bahawa penggunaan bahan peralatan atau perhiasan yang dihasilkan daripada abu tulang haiwan (bone china) yang tidak halal mengikut syarak, termasuk haiwan yang halal dimakan tetapi tidak disembelih mengikut hukum syarak adalah tidak diharuskan.

5. Walau bagaimanapun, penggunaan peralatan dan perhiasan berasaskan abu tulang haiwan (bone china) yang halal dimakan dan disembelih mengikut hukum syarak adalah diharuskan.

Tarikh : 25 April 2022

No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9 (59)

Saya yang menjalankan amanah

  
(Dato' Haji Zamri bin Hashim)  
Timbalan Mufti Negeri Perak